



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 18 MEI 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PERKUKUH AGROTEKNOLOGI BANTU DAYA TAHAN EKONOMI NEGARA, FOKUS, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 6	LAIN – LAIN
2.	KUALITI SAYUR MALAYSIA SETANDING THAI, NEGARA, KOSMO, M/S – 12	
3.	CAJ PENGHANTARAN HAIWAN KORBAN NAIK, NEGARA, KOSMO, M/S – 13	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

PERKUKUH AGROTEKNOLOGI BANTU DAYA TAHAN EKONOMI NEGARA

Oleh **SABRINA ZULKIFLI**
sabrina.zulkifli@mediamula.com.my

MALAYSIA perlu mempercepat pembangunan sektor agroteknologi dan teknologi iklim bagi memastikan negara kekal berdaya tahan dalam menghadapi cabaran ekonomi, perubahan iklim dan ketidakpastian rantai bekalan makanan serantau. Dalam suasana ekonomi global yang semakin mencabar, negara tidak lagi boleh terlalu bergantung kepada sektor tradisional semata-mata, sebaliknya perlu bergerak ke arah ekonomi bernilai tambah tinggi yang menggabungkan teknologi dan keselamatan makanan.

Pengarah dan Penganalisis Strategi Pelaburan dan Ekonomi IPPFA Sdn. Bhd., Mohd. Sedek Jantan berkata, Malaysia mempunyai potensi besar untuk membangunkan sektor agroteknologi, namun cabaran utama ketika ini ialah menarik minat generasi muda untuk terlibat dalam industri tersebut.

Menurut beliau, pembangunan teknologi pertanian perlu dijadikan antara agenda utama negara kerana isu keselamatan makanan dan perubahan iklim akan menjadi cabaran ekonomi paling kritikal pada masa depan.

"Malaysia perlu bergerak ke arah gabungan teknologi dan



diperkatakan supaya Malaysia dapat membangunkan kepakaran sendiri dalam bidang pertanian moden dan teknologi berkaitan iklim.

"Perubahan iklim yang semakin ekstrem juga akan memberi kesan besar kepada sektor makanan dan ekonomi negara jika kita tidak bersedia dari sekarang," katanya.

Beliau berkata, suhu global yang semakin meningkat akan memberi tekanan kepada sektor pertanian, produktiviti dan kos makanan sekali gus memberi kesan langsung kepada kadar inflasi negara.

"Kita sudah mula melihat perubahan cuaca yang ekstrem dan kemungkinan suhu mencecah sehingga 40 darjah Celsius pada masa depan.

"Kalau isu keselamatan makanan tidak ditangani lebih awal, tekanan kepada kos sara hidup rakyat akan menjadi lebih besar," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, ASEAN sebenarnya mempunyai kekuatan besar dalam sektor makanan dan tenaga kerja yang boleh dimanfaatkan secara bersama oleh negara anggota.



**MOHD SEDEK
JANTAN.**

Katanya, perdagangan intra-ASEAN mampu membantu negara anggota menstabilkan bekalan makanan dan kadar inflasi serantau.

"ASEAN mempunyai kekuatan dari segi rantai bekalan makanan, logistik dan tenaga kerja.

"Banyak keperluan makanan negara anggota juga saling melengkapi antara satu sama lain dan ini boleh membantu menstabilkan ekonomi serta inflasi rantai ini," katanya.

Menurut beliau, Malaysia perlu menggunakan peluang tersebut untuk memperkukuh sektor makanan tempatan sambil mempercepat pembangunan industri berteknologi tinggi.

"Negara tidak boleh terlalu bergantung kepada satu sektor sahaja. Kita perlu ada keseimbangan antara teknologi, keselamatan makanan dan pembangunan ekonomi mampan.

"Jika sektor agroteknologi diperkukuh dari sekarang, Malaysia bukan sahaja mampu meningkatkan daya tahan ekonomi domestik, malah boleh menjadi pemain penting dalam ekosistem makanan ASEAN pada masa depan," katanya.

teknologi, tetapi masalah utama ialah kita gagal menarik lebih ramai anak muda masuk ke dalam sektor ini.

"Ramai masih melihat pertanian sebagai sektor tradisional sedangkan negara maju sudah bergerak kepada pertanian berteknologi tinggi," tambahnya.

Menurut Mohd. Sedek, Malaysia juga perlu memperkukuh pemindahan teknologi dengan negara luar bagi mempercepat pembangunan sektor tersebut.

Katanya, usaha itu penting supaya negara tidak terus bergantung kepada import makanan dan teknologi asing dalam jangka panjang.

"Pemindahan teknologi perlu

Kualiti sayur Malaysia setanding Thai

- **Persepsi sebelum ini sayur negara jiran lebih baik**
- **Sayur Thailand lebih murah kerana kos upah rendah**

Oleh NURUL IZZATI ZAINI

PETALING JAYA – Persepsi bahawa sayur-sayuran dari Thailand lebih berkualiti berbanding hasil tempatan adalah tidak tepat kerana kualiti produk pertanian Malaysia sebenarnya setanding, malah ada yang lebih baik daripada negara jiran itu.

Ketua Pengarah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi), Datuk Dr. Mohamad Zabawi Abdul Ghani, Datuk Dr. Mohamad Zabawi Abdul Ghani berkata, tanggapan tersebut timbul kerana penggunaan sering mengangap produk luar negara lebih baik berbanding hasil tempatan.

Menurutnya, tanaman seperti tomato, salad dan timun menyumbang kepada eksport utama sayuran, khususnya ke Singapura dan Timur Tengah. Eksport ke negara ini memerlukan pematuhan kepada piawaian kualiti dan keselamatan makanan yang ketat.



PENOLONG Pegawai Penyelidik Institut Penyelidikan Mardi, Mohd. Khairul Anuar melihat hasil sayur-sayuran yang ditanam dengan menggunakan teknologi LED di kilang tanaman di Serdang baru-baru ini.

"Ini membuktikan sayuran Malaysia memenuhi piawaian kualiti setanding dari negara lain. Kualiti sayuran tempatan juga disokong melalui pensijilan seperti MyGAP, MyOrganik dan Malaysia Best sebagai jaminan kualiti.

"Di peringkat Mardi, beberapa varieti sayuran berkualiti tinggi telah dibangunkan iaitu cili (cili-Mardi), tomato (MAHA18) dan

adalah disebabkan keluasan kawasan pertanian yang lebih besar selain kos buruh yang jauh lebih rendah berbanding Malaysia.

"Thailand mempunyai kawasan pertanian yang luas dan kos buruh mereka memang murah. Sebab itu mereka boleh hasilkan produk pada kos lebih rendah dan eksport dalam jumlah besar. Kita memang tak dapat tandingi dari segi kos sebab kos buruh kita tinggi," ujarnya.

Bagaimanapun, beliau berkata, hasil pertanian Malaysia sebenarnya mempunyai kelebihan tersendiri terutama dari segi kawalan penggunaan racun dan tahap keselamatan makanan.

"Malah ada hasil pertanian luar yang melebihi tahap maksimum sisa racun atau Maximum Residue Limit (MRL). Sebab itu Kementerian Levakkan syarat tertentu seperti sijil analisis sebelum dibenarkan masuk.

"Tetapi kadang-kadang ada juga produk yang terlepas pandang dan masuk tanpa kawalan sewajarnya," katanya.

Mengulas mengenai jurang teknologi pertanian antara Malaysia dan Thailand, Mohamad Zabawi berkata, kedua-dua negara mempunyai kekuatan masing-masing dan tidak wujud perbezaan terlalu ketara dari segi penggunaan teknologi moden.



MOHAMAD ZABAWI

Caj penghantaran haiwan korban naik

- **Harga seekor lembu, satu bahagian ternakan kekal**
- **Susulan kenaikan harga diesel, makanan haiwan**

Oleh MASTURAH SURADI
dan MUHAMMAD ZIKRI

JOHOR BAHRU – Golongan penternak di negeri ini mengakui mereka terpaksa menaikkan caj penghantaran haiwan korban tahun ini susulan kenaikan harga petrol dan makanan ternakan.

Walaupun terdapat peningkatan kos operasi, rata-rata mereka bagaimanapun masih mengekalkan harga ternakan itu sempena perayaan Aidiladha minggu hadapan bagi mengelakkan para pelanggan terus terbebani.

Seorang penternak dari Kota Tinggi, Abd. Aziz Daud berkata, harga haiwan korban pada tahun

ini masih kekal kerana kebanyakan lembu yang dijual diternak sendiri, bukannya diimport dari luar negara.

Katanya, isu kenaikan harga lembu tidak timbul kerana bekalan ternakan masih mencukupi, namun kos penghantaran terpaksa diselaraskan mengikut harga semasa diesel di pasaran.

"Lembu-lembu ini saya bela sendiri, bukannya diambil dari Thailand atau negara lain. Jadi tidak timbul isu harga naik. Cuma kos diesel meningkat dan (caj) kita kenakan kepada pembeli pada tahun ini," katanya kepada Kosmo! baru-baru ini.

Abd. Aziz berkata, harga lembu korban adalah RM5,500 hingga RM7,000 seekor bergantung kepada saiz haiwan tersebut.

Sementara itu, penternak dari Pontian, Mashudi Duki, 61, memberitahu, permintaan terhadap lembu korban pada tahun ini masih menggalakkan walaupun berlaku perang di Asia Barat yang memberi kesan kepada kos pengangkutan dan makanan ter-

nakan.

Menurut lelaki itu, harga korban secara berkelompok masih kekal iaitu RM850 hingga RM900 satu bahagian atau RM5,950 hingga RM6,300 seekor bergantung kepada saiz haiwan.

"Setakat ini saya menerima tempahan kira-kira 40 ekor lembu dan jumlah itu dijangka meningkat sehingga 70 ekor menjelang seminggu sebelum Aidiladha," katanya ketika ditemui di AAZ Agro Farm di Kampung Haji Ashari, Telok Kerang.

Mashudi turut menjual lembu baka Brahman dan lembu sado seperti Charolais dan Limousin yang berharga mencecah RM12,000 seekor selain menyediakan perkhidmatan penyembelihan kepada pelanggan.

Dalam pada itu, seorang lagi penternak, Zamallualil Shawal pula berkata, dia menerima tempahan tinggi setiap kali musim korban dan setakat minggu ini jumlahnya adalah 170 ekor dengan sasaran sebanyak 300 ekor lembu pada tahun ini.



MASHUDI memberikan makanan kepada lembu-lembu peliharaannya ketika ditemui di AAZ Agro Farm, Telok Kerang, Pontian baru-baru ini. – MUHAMMAD ZIKRI